

# 1

## **PENDIDIKAN TAMADUN ISLAM: ANTARA MATLAMAT ASAL DAN MATLAMAT GANTIAN**

Awang Had Salleh

### **0.1 PENGENALAN - BATAS-BATAS PERBINCANGAN:**

- 1.1 Penulis bukan pakar dalam Pendidikan Islam.<sup>1</sup> Kertas tidak mengupas tentang ilmu Agama Islam. Ia sekadar melihat Tamadun Islam sahaja. Itupun hanya dalam konteks Pendidikan Umum di universiti/IPT.
- 1.2 Pada hemat penulis, ada bedanya di antara *Pendidikan Umum* dengan *Pendidikan Khusus* di universiti/IPT.
- 1.3 Begitu pula, dia melihat perbedaan di antara *Ilmu Agama Islam, atau Pengajian Islam dengan Tamadun Islam*.

### **0.2 ANTARA PENDIDIKAN UMUM DENGAN PENDIDIKAN KHUSUS:**

- 2.1 Dengan *Pendidikan Umum* saya memahaminya sebagai *Liberal Arts Education* seperti yang digunakan di universiti-universiti di barat dan di Amerika.
- 2.2 Ia bukan *Pendidikan Asas* atau *Fundamental Education*. Ia diwujudkan atas kesedaran bahawa pendidikan khusus universiti/IPT adalah terlalu utilitarian sifatnya dan sempit ruang litupnya bagi melahirkan siswazah yang selepas kira-kira lima tahun dalam dunia pekerjaan atau perkhidmatannya sudah mulai berkurangan peranan kepakaran teknikal dan bertambah peranan pentadbiran, pengurusan dan kepimpinannya. Ketika itu, kesempitan bidang

## **2 • Seminar Pendidikan Tamadun Islam**

pengkhususannya membelenggunya daripada berinteraksi dengan bererti dengan mereka yang dari pelbagai bidang ilmu dan pelbagai bidang kerja. Mereka mungkin menjalankan tugas-tugas perancangan ekonomi, prasarana, alam sekitar, bahasa, perdagangan, perhubungan antarabangsa, dan sebagainya, yang untuk itu, bidang-bidang ilmu khusus itu tentunya dapat membantu tetapi lebih penting dari itu semuanya ialah bahawa perspektif minda mereka hendaklah dengan maksud melakukan itu semuanya demi kepentingan dan kesejahteraan manusia.

2.3 Demikianlah, secara peribadi, saya gusar dengan kenyataan seperti bahawa matlamat Wawasan 2020 ialah untuk mempertingkatkan *kemakmuran negara*. Pada saya yang lebih penting ialah peningkatan *kesejahteraan rakyat* atau masyarakat -- yakni manusianya. Dan sebenarnya, kita tidak boleh mengandaikan bahawa *kemakmuran negara* dengan sendirinya membawa kepada *kesejahteraan rakyat*. Menggunakan jargon ilmiah, kemakmuran negara itu adalah *necessary but not sufficient condition* untuk melahirkan kesejahteraan manusia.

2.4 Maka itu, perlulah kurikulum pendidikan universiti/IPT itu mengandungi unsur-unsur pendidikan di luar pendidikan khusus, dan ini, diharap dapat memperluaskan minda pelajar dan melebarkan horizon pemikiran pelajar.

## **0.3 ILMU AGAMA ISLAM, PENGAJIAN ISLAM DAN TAMADUN ISLAM:**

3.1 Pada saya, Ilmu Agama Islam ialah ilmu agama itu sendiri, iaitu hukum hakamnya, al-Kuran dan hadis, tajwid, tafsir, fiqh, hukum-hukum pernikahan, faraid, dan segala macam lagi.

3.2 Pengajian Islam pula kemungkinan mengandungi dua komponen atau anasir, iaitu Ilmu Agama Islam seperti yang disenarikan sekejap tadi dan juga Ilmu tentang atau mengenai Islam, seperti sejarah perkembangan Islam, seni bina Islam, bahasa dan Arab, musik Islam dan sebagainya.

3.3 Tamadun Islam ialah sebuah sub-set kepada Ilmu Tentang Islam. Penguasaan pengetahuan tentang Tamadun Islam bukanlah ukuran keimanan di kalangan pelajar-pelajarnya walaupun ia boleh membantu mengukuhkan atau melenturkan keimanan seseorang pelajarnya.

3.4 Dalam pendidikan apa bahasa pun, ada orang mengajar penguasaan bahasa itu dan ada pula orang mengajar mengenai bahasa itu. Yang pertama mengajar sehingga pelajarnya menguasai kemahiran berbahasa itu. Yang kedua mengajar sehingga pelajarnya mengetahui sejarah perkembangan bahasa itu, hukum-hakam tata-bahasanya, sistem fonim dan morfim bahasa itu tetapi tidak mengetahui bahasa itu dengan baik.

3.5 Dalam ilmu pendidikan pula, ada kursus-kursus yang langsung hubungannya dengan amalan pendidikan seperti pembinaan kurikulum, kawalan atau pengurusan bilik darjah, kaedah pengajaran mata pelajaran tertentu, penilaian pencapaian murid, pendekatan motivasi murid, peningkatan konsep diri murid, kaunseling, dan sebagainya. Ada pula kursus-kursus yang sekadar memberi pengetahuan tentang pendidikan dan, oleh yang demikian, tidak mempunyai hubungan langsung dengan seni pengajaran dan seni pembelajaran di sekolah. Kursus-kursus tersebut ialah seperti ekonomi pendidikan, politik pendidikan, sosiologi dan antropologi pendidikan, pendidikan perbandingan, sejarah pendidikan, analisis dasar pendidikan.

3.6 Demikianlah saya cuba tunjukkan dua buah analogi, iaitu *pendidikan bahasa* dan *ilmu pendidikan* untuk membandingkan dengan dua aspek pendidikan Islam, iaitu di antara *Ilmu Agama Islam*, *Pengajian Islam* dan *Tamadun Islam*.

#### **04. RASIONAL AWAL ATAU ASAL MENGENAI PENDIDIKAN TAMADUN ISLAM:**

4.1 Pada permulaan perbincangan mengenai Tamadun Islam ia tidak diletakkan di dalam konteks *Pendidikan Umum* atau *Liberal Arts Education*; tetapi sebaliknya ia diletakkan di dalam bidang pendidikan kenegaraan.

#### **4 • Seminar Pendidikan Tamadun Islam**

Sesetengah universiti/IPT sudah mempunyai mata kursus kenegaraan Malaysia yang terdiri daripada sejarah Malaysia, bahasa dan sastera Malaysia, perlembagaan negara, dan seumpamanya.

4.2 Rasional kepada pengenalan kursus-kursus itu ialah supaya pelajar-pelajar membentuk minda Malaysia menerusi proses mengenali Malaysia untuk kemudiannya menyintai Malaysia.

4.3 Agama Islam ialah agama rasmi bagi Malaysia. Pelajar-pelajar Islam sendiri kurang tahu tentang tamadun Islam. Oleh itu pendedahan mereka kepada Tamadun Islam akan menimbulkan penghayatan yang lebih lagi kepada agama mereka sendiri. Pelajar-pelajar bukan Islam pula menghubungkan agama Islam dengan imajan atau citra-citra negatif, seperti persepsi mereka bahawa Islam itu keganasan; Islam itu poligami; Islam itu mundur; Islam itu bercakaran sesama sendiri; Islam itu bersikap opresif terhadap wanita; penganut Islam itu bersifat kepura-puraan atau mengamalkan dwi-standard atau *double standards*. Oleh itu, mereka perlu didedahkan kepada tamadun Islam supaya membuka mata mereka kepada hakikat bahawa Islam itu adalah sebuah peradaban; bahawa Islam itu agama dan Muslimin dan muslimat adalah manusiannya dan kedua-duanya tidak selamanya serupa.

4.4 Biar mereka dapat mengerti kata-kata yang dirujuk kepada Muhammad Abduh bahawa semasa melawat Paris dia melihat Islam tanpa kehadiran orang Islam di sana, dan semasa pulang ke Mesir dia melihat ramai orang Islam tetapi tidak ketara kepadanya Islam di sana.

#### **0.5 AMALAN PENDIDIKAN TAMADUN ISLAM DI IPT PADA MASA INI:**

5.1 Saya tidak begitu tahu tentang apa yang berlaku di IPT kini sehubungan dengan pendekatan yang dianut dalam Pendidikan Tamadun Islam ini. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa ada semacam kelainan pendekatan yang digunakan di antara satu IPT dengan yang lain.

5.5 Ada IPT yang menggunakan satu silibus sahaja bagi kursus ini yang kuliah-kuliahnya dihadiri oleh pelajar Islam bukan-Islam sekali gus. Model ini, rasa saya, menepati andaian bahawa kedua-duanya, baik pelajar Islam baik pelajar bukan Islam, sama sahaja tidak tahu dengan sebaik-baiknya tamadun atau peradaban Islam itu. Sebab itu, kedua-dua mereka elok didedahkan kepada tamadun Islam ini dalam dewan kuliah yang sama.

5.6 Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan jika tidak sudah menjadi kecenderungan, yang pelajar-pelajar Islam menjadi "taksub" dengan tamadun Islam yang dilukiskan sebagai idealistik kerana pensyarah mereka memperlihatkan tamadun Islam dalam perspektif kemuncak kegemilangan dalam tamadun Islam lalu mengalpakan aspek analitikal dan kritikal kita terhadap tamadun itu di dalam zaman-zaman kemelesetannya.

5.7 Pendekatan yang sama ini dilihat pula oleh pelajar-pelajar bukan Islam sebagai satu macam gerakan propaganda kepada mereka sebab yang dibentangkan kepada mereka itu ialah *the ideal state* dan bukannya *the actual* atau *the reality*. Dan dalam keadaan yang kurang hati-hati, sesetengah pensyarah mengketarkan implikasi, dengan tidak mereka sedari mungkin, bahawa agama-agama lain itu rendah sifatnya.

5.8 Bahayanya ialah bahawa pendekatan yang begini meminggirkan kedua-dua kelompok pelajar ini.

5.9 Adapula IPT yang mengendalikan dua set silibus Tamadun Islam yang berbeda -- satu untuk pelajar-pelajar Islam dan satu untuk pelajar-pelajar bukan Islam. Ini barangkali memudahkan dari segi pengendalian; tetapi andaianya di sini ialah bahawa yang perlu ditekankan kepada pelajar-pelajar Islam ialah aspek-aspek amali dalam Islam, manakala kepada pelajar-pelajar bukan Islam pula yang perlu ditekankan ialah aspek-aspek luaran Islam. Andaian ini, rasa saya, perlu ditinjau kembali.

**6 • Seminar Pendidikan Tamadun Islam**

**0.6 BEBERAPA ISU PENDIRIAN:**

6.1 Izinkan saya mengakhiri kertas ini dengan menampilkan beberapa isu sehubungan dengan pendirian kita terhadap Pendidikan Tamadun Islam ini. Andaian saya ialah masih ada kekacauan dalam pemikiran kita tentang rasional, pendekatan dan matlamat pendidikan ini di IPT.

6.2 Antara isu-isu itu ialah seperti yang berikut:

6.2.1 Apakah Pendidikan Tamadun Islam itu:

- (a) Pendidikan dakwah Islam?
- (b) Pendidikan Agama Islam?
- (c) Pendidikan mengenai tamadun atau peradaban ummah Islam -- bukan agamanya tetapi manusianya?

6.2.2 Jika kita memilih alternatif (c) di atas, apakah dalam Pendidikan Tamadun Islam itu, yang mahu diberikan tekanan dan penegasan ialah:

- (a) penonjolan tamadun yang positif sahaja dan mengalpakan sama sekali aspek-aspek negatifnya?
- (b) bersifat terbuka, analitis dan kritis?

6.2.3 Jika kita memilih alternatif (b) di atas, apakah pensyarah-pensyarahnya dipilih dari kalangan mereka

- (a) yang memiliki Ilmu Agama Islam?
- (b) yang beragama Islam tetapi bidang-bidang ilmu masing-masing seperti geografi, ekonomi, perubatan, sains matematik, dan sebagainya?

- (c) yang beragama apa pun juga, asal sahaja memiliki disiplin-disiplin yang relevan yang menerusinya tamadun Islam itu ditinjau?

#### 6.2.4 Bagaimanakah sebaik-baiknya untuk menerap dan menganuti pegangan

- (a) bahawa Pendidikan Tamadun Islam itu neutral sifatnya dari segi ideologi dan juga dari segi intelek?
- (b) bahawa adakalanya, bergantung kepada aspek tamadun Islam yang kita bincang, pensyarah boleh atau wajar bersifat apologetik dan, ada kalanya pula, bersifat bangga?
- (c) bahawa yang perlu dijadikan panduan dalam pengajaran Tamadun Islam ini ialah Tamadun Islam itu *as it is* bukannya *as it ought to be?*

### 07. CADANGAN:

7.1 Saya mengucapkan syabas kepada pengajur Seminar ini kerana ia mempertemukan yang terlibat dengan latar yang berbagai bagi memikirkan bagaimana memecahkan persoalan yang ditimbulkan.

7.2 Saya berharap Seminar ini tidak terhenti hanya di sini. Harus direncanakan satu siri seminar begini dengan tiap-tiap satunya terkhusus kepada daerah-daerah problematik yang dikenal pasti dalam Seminar pada kali ini.

7.3 Satu projek yang dapat diusulkan sesudah ini ialah mengadakan survey untuk mengetahui keberkesanan dan ketidakberkesanan pengendaliannya kini.

7.4 Projek susulannya pula ialah mengadakan bengkel-bengkel aspek-aspek pedagogi dalam Pendidikan Tamadun Islam.

**8 • Seminar Pendidikan Tamadun Islam**

7.5 Satu lagi projek ialah tinjauan semula ke atas kurikulum Pendidikan Tamadun Islam.

**Nota:**

1. Yang dimilikinya hanyalah sekadar pendidikan Islam di sekolah rendah, mata kursus Agama Islam selama tiga tahun di Sultan Idris Tranining College, mata pelajaran Agama Islam yang diambilnya dalam peperiksaan Lower Certificate of Education, peperiksaan Federation of Malaya Certificate of Education, dan selama setahun pengajian Islam pada tahun pertama pengajiannya di Universiti Malaya.